

7.1 Latar Belakang Idea Negara Merdeka

- 1 Kesedaran politik selepas Perang Dunia Kedua mencetuskan aspirasi rakyat untuk mencapai kemerdekaan. Idea negara merdeka dicetuskan oleh pelbagai golongan untuk membentuk negara yang berdaulat bermula tahun 1938.

Namakan tokoh yang terlibat dalam pertubuhan berikut.

(i) Kesatuan Melayu Muda (KMM)

Ibrahim Haji Yaakob

(ii) Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)

Dr. Burhanuddin al-Helmi

Ishak Haji Muhammad

Ahmad Boestamam

- 2 Apakah idea negara merdeka yang dicetuskan oleh KMM tahun 1938?

Melayu Raya Satu Sama Terus
 Kesatuan Melayu Muda (KMM) pimpinan Ibrahim Haji Yaakob memperjuangkan kemerdekaan tanah air melalui konsep Melayu Raya. Idea ini merupakan penyatuan bangsa dan dunia Melayu. Berdasarkan aspek persamaan daerah, darah, kebudayaan dan bahasa yang menjadi satu rumpun yang sama iaitu Melayu. Selepas KMM diharamkan, idea Melayu Raya terus diperjuangkan oleh Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).

- 3 Jelaskan idea negara merdeka yang dicetuskan oleh Parti Kebangsaan Melayu Malaya pada tahun 1945.

Pimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dipimpin oleh Dr. Burhanuddin al-Helmi, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam.
Matlamat Parti ini menetapkan matlamat politik untuk menanam semangat kebangsaan dan bekerjasama dengan kaum lain bagi membentuk perpaduan.
Melayu Raya Slogan PKM memperjuangkan kemerdekaan melalui konsep Melayu Raya. Melalui slogan “Merdeka”, PKMM berhasrat mendaulatkan hak rakyat dalam politik, ekonomi, agama, sosial dan kebudayaan.

- 4 Mengapakah perjuangan melalui pertubuhan lebih berkesan berbanding secara individu?

Kemukakan alasan anda.

Kumpul Dapat mengumpul lebih ramai ahli - sokongan padu menguatkan perjuangan - semangat perjuangan lebih utuh - kesulitan dapat diatasi bersama-sama
Kongsi Dapat berkongsi idea yang bernas - memantapkan strategi perjuangan
Kewangan Sumber kewangan dapat dikumpul daripada ahli - untuk membiayai kos / program
Susun Organisasi lebih tersusun dan sistematik
Suara Suara perjuangan lebih didengari pihak berkaitan

- 5 Idea negara merdeka berkembang luas pada tahun 1946 yang dicetuskan oleh pelbagai persatuan dan pertubuhan.

Apakah idea negara merdeka yang diperjuangkan oleh Angkatan Pemuda Insaf (API)?

Pimpin Angkatan Pemuda Insaf (API) dipimpin oleh Ahmad Boestamam.

Demokrasi Pertubuhan ini memperjuangkan idea negara merdeka yang menekankan pemerintahan demokrasi.

Utama	dan dasar ekonomi yang mengutamakan rakyat serta keadilan sosial.
Risalah	Risalah Testament Politik API diterbitkan pada bulan Disember 1946 dengan slogan “Merdeka dengan Darah”.
Seru	Menyeru perjuangan mencapai kemerdekaan bangsa dan tanah air dengan jalan terbuka secara lembut.
Keras	Namun begitu, perjuangan akan diteruskan melalui kekerasan jika terpaksa.
Radikal	Pendekatan dan imej radikal ini menyebabkan API diharamkan oleh British.

6 Keinginan bebas daripada kolonial British juga diperjuangkan di Sarawak. Jelaskan perjuangan tersebut dari aspek pertubuhan berikut.

(i) Persatuan Kebangsaan Sarawak

Pimpin	Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak di bawah pimpinan Datu Patinggi Abang Haji Abdillah.
Pelopori	Mempelopori gerakan yang menentang penyerahan Sarawak kepada British.
Merdeka	Pertubuhan ini mahu Sarawak menjadi negeri merdeka di bawah pemerintahan Raja Brooke.
Sendiri	Pertubuhan ini ingin berkerajaan sendiri sebagaimana yang dijanjikan dalam Perlembagaan 1941 oleh Raja Brooke.

(ii) Pergerakan Pemuda Melayu (PMM)

Lahir	Kontroversi penyerahan Sarawak kepada British melahirkan Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) di Sibul.
Korban	Rela berkorban jiwa untuk mendapatkan kemerdekaan penuh Sarawak.
Merdeka	Catatan “Merdeka” dalam surat-menyurat PPM menjelaskan bahawa gerakan PPM adalah untuk memerdekakan Sarawak.
Tubuh	Anggota PPM menubuhkan pakatan sulit Rukun 13 yang nekad membunuh gabenor, pegawai British dan Datu Melayu yang menyokong penyerahan Sarawak.
Benci	Penubuhan Rukun 13 membuktikan kebencian PPM terhadap kolonial.

7 Pada pendapat anda, apakah semangat yang perlu ada dalam diri warganegara Malaysia bagi menghalang ancaman musuh negara?

Kemukakan hujah anda.

Bangga	Bangga sebagai rakyat Malaysia
Sedia	Bersedia memajukan diri – berusaha menambah ilmu pengetahuan
Taat	Taat kepada negara – setia kepada pemerintah – menyokong dasar-dasar kerajaan
Syukur	Bersyukur dengan keamanan negara
Sama	Bersama menjaga kedaulatan negara
Sepakat	Mengamalkan sikap kesepakatan dan kerjasama
Jaga	Menjaga nama baik negara
Pegang	Berpegang teguh ajaran agama
Prinsip	Mengamalkan prinsip Rukun Negara
Bijak	Bijak menangani pengaruh asing – bersikap matang dan rasional – bijak menilai

8 Kesedaran politik yang mencetuskan idea merdeka dalam kalangan pertubuhan mewakili kaum juga berkembang di negara kita.

Apakah yang diperjuangkan oleh United Malays National Organisation (UMNO) 1946?

Pimpin	United Malays National Organisation (UMNO) yang dipimpin oleh Dato’ Onn Jaafar.
Satu	Berusaha menyatukan orang Melayu untuk mempertahankan hak bangsa Melayu dan kedudukan Raja-raja Melayu.
Slogan	Dengan slogan “Hidup Melayu”, UMNO berjuang menentang Malayan Union bagi memelihara status quo orang Melayu dan kedaulatan Raja-raja Melayu.

Ubah Pada tahun 1951, slogan UMNO diubah kepada “Merdeka” untuk memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu melalui perundingan.

9 Malayan Indian Congress (MIC) ditubuhkan tahun 1946 yang mewakili kaum India.

Apakah matlamat perjuangan?

Asas Malayan Indian Congress (MIC) yang diasaskan oleh John Thivy.
Kerjasama Meletakkan objektif untuk bekerjasama dengan kaum lain dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu.
Warganegara MIC menegaskan bahawa kewarganegaraan yang tunggal kepada mereka yang menerima Tanah Melayu sebagai tanah air.
Setia Sedia melafazkan taat setia kepada Tanah Melayu.

10 Apakah idea merdeka kaum Cina melalui penubuhan Malayan Chinese Association (MCA) 1949?

Pimpin Tan Cheng Lock yang memimpin Malayan Chinese Association (MCA).
Tugas MCA mempunyai tugas untuk menjadikan Tanah Melayu yang berbilang kaum sebuah negara yang berdemokrasi penuh.
Satu Bagi menjayakan matlamat tersebut, MCA berusaha menyatukan masyarakat Cina dan bekerjasama dengan semua kaum di Tanah Melayu.
Harmoni dalam keadaan harmoni untuk kemerdekaan Tanah Melayu.

11 Perpaduan kebangsaan menjadi matlamat perjuangan Independence of Malayan Party (IMP) yang ditubuhkan tahun 1951.

Pada pendapat anda, apakah yang diperjuangkan IMP?

Mengapakah gagal mencapai matlamat?

Asas Dato’ Onn Jaafar mengasaskan penubuhan Independence of Malayan Party (IMP).
Tujuan Tujuan melaksanakan idea “Tanah Melayu untuk Malayan”.
Perpaduan Selepas tahun 1949, pemikiran politik Dato’ Onn Jaafar terarah kepada perpaduan kebangsaan.
Kerjasama Bagi Dato’ Onn Jaafar, tuntutan kemerdekaan tidak boleh dibuat tanpa kerjasama kaum lain yang diterima menjadi rakyat Tanah Melayu.
Melayu Beliau mahu orang Melayu menjadi pemimpin kepada orang bukan Melayu yang turut mempunyai hak dalam politik dan ekonomi.
Gagal IMP gagal mendapat sambutan daripada kaum Cina, India dan kaum lain di Tanah Melayu.
Bangsa Asing Sebab mereka tidak merasakan sebagai satu bangsa Tanah Melayu pada ketika itu. Perpaduan sangat asing kepada mereka.

12 Idea negara merdeka juga diperjuangkan melalui pertubuhan Hizbul Muslimin (1947) dan Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) – 1951 ke arah menjadikan Tanah Melayu sebagai negara Islam.

Apakah matlamat perjuangan Hizbul Muslimin?

Himpun Perhimpunan rakyat di Maahad al-Ehya Assharif, Gunung Semanggol, Perak, melahirkan Majlis Agama Islam Tertinggi (MATA).
Teraju Diterajui oleh ulama berpengaruh seperti Abu Bakar al-Baqir, Sheikh Fadhlulah Suhaimi dan Sheikh Abdullah Fahim.
Lahir Perhimpunan MATA melahirkan Hizbul Muslimin dengan matlamat mencapai kemerdekaan Tanah Melayu sebagai negara Islam.
Haram British yang tidak senang dengan asas perjuangan Hizbul Muslimin telah mengharamkan pertubuhan tersebut.

13 Mengapakah British mengharamkan Hizbul Muslimin?

Jalin British mengharamkan Hizbul Muslimin dengan dakwaan bahawa Hizbul Muslimin

Ordinan	menjalin hubungan dengan Parti Komunis Malaya (PKM) yang diharamkan. Ordinan Darurat 1948 yang diluluskan menyebabkan Hizbul Muslimin diharamkan dan dianggap bahaya.
Sertai	Ramai anggota Hizbul Muslimin melepaskan diri mereka dari tindakan British dengan menyertai UMNO.
Pecah	Apabila puak ulamak di dalam UMNO berpecah keluar daripada parti itu, mereka menubuhkan Persatuan Islam Sa-Malaya (PAS).

14 Idea negara Islam diteruskan melalui penubuhan PAS.

Apakah matlamat penubuhannya?

Tubuh	Idea negara Islam telah diteruskan melalui penubuhan Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS).
Bina	Dr. Burhanuddin al-Helmi, Yang Dipertua PAS, menegaskan bahawa PAS bercita-cita membina satu negara dan satu bangsa yang teguh.
Bahasa	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi yang tunggal.
Hukum	Kemerdekaan bagi PAS ialah Tanah Melayu merdeka dengan menjalankan hukum Islam.

15 Wujud kepelbagaian idea negara merdeka tetapi semuanya menjurus negara ke arah matlamat yang sama, iaitu mempertahankan kedaulatan negara.

Pada pendapat anda, apakah cadangan kepada generasi muda hari ini untuk mempertahankan kedaulatan negara? Kemukakan hujah anda.

Ilmu	Menguasai ilmu pengetahuan – pelbagai kemahiran – mempunyai kerjaya yang baik
Budaya	Mengamalkan budaya bangsa – hindari budaya negatif – sentiasa mengenal identiti bangsa – hargai warisan bangsa
Perpaduan	Memperkasa perpaduan bangsa – menjunjung perlembagaan negara
Jati diri	Memelihara jati diri – bersemangat cinta akan negara
Perjuangan	Menghayati perjuangan tokoh-tokoh silam – mengambil iktibar daripada sejarah

7.2 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

1 Ketegangan hubungan antara kaum yang semakin meningkat selepas Perang Dunia Kedua menimbulkan kesedaran pemimpin kaum dan kerajaan British tentang kepentingan perpaduan. Mengapakah perpaduan kaum menjadi matlamat utama British di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua?

Kerjasama	British memberikan mesej bahawa kemerdekaan hanya akan diberikan apabila kerjasama antara tiga kaum utama, iaitu Melayu, Cina dan India dapat diwujudkan.
Runding	Berikutan itu, perundingan antara pemimpin kaum dilakukan untuk mewujudkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial ke arah mencapai status berkerajaan sendiri.

2 Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) berjaya menghimpunkan pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum di negara kita.

Apakah objektif penubuhannya?

Kaji	Mengkaji hubungan kaum secara mendalam.
Betul	Membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial supaya wujud pembahagian yang adil untuk semua komuniti.
Wujud	Mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah dalam kalangan penduduk di negara ini.

3 Siapakah anggota CLC yang mewakili orang Melayu dan Cina?

(i) Wakil Melayu

Dato' Onn Jaafar

Menteri Besar Johor/Presiden UMNO.

Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz	Menteri Besar Perak.
Dato' Panglima Bukit Gantang	
Mohd. Salleh Hakim	Ahli Majlis Perundangan Negeri Selangor.
Dr. Mustapha Osman	Ahli Jawatankuasa Kerja UMNO.
Zainal Abidin Haji Abas	Setiausaha Agung UMNO.

(ii) Wakil Cina

Tan Cheng Lock	Melaka
Lee Tiang Keng	Pulau Pinang
C.C. Tan	Singapura
Yong Shook Lin	Selangor

4 Pada pendapat anda, apakah kepentingan sikap bertoleransi dalam masyarakat berbilang kaum? Berikan hujah anda.

Selisih	Mengelakkan perselisihan faham antara kaum - menjamin kestabilan politik
Harmoni	Membentuk keharmonian hidup bermasyarakat - melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing
Hubungan	Menjamin hubungan baik antara kaum - kunci kestabilan negara memerlukan rakyat yang berdedikasi dan komited
Tindas	Mengelakkan penindasan - proses pembentukan negara bangsa yang padu dan jitu
Stabil	Menjamin kestabilan ekonomi - urusan pembangunan negara berjalan dengan lebih lancar

5 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) berperanan untuk menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum.

Apakah isu-isu yang menjadi pertikaian antara kaum yang perlu diselesaikan oleh CLC?

Politik	Politik - persediaan ke arah berkerajaan sendiri.
Melayu	Kedudukan istimewa orang Melayu - orang Melayu menuntut diperakui kedudukan istimewa sebagai penduduk asal rantau Alam Melayu
Ekonomi	Kedudukan ekonomi orang Melayu - orang Melayu tidak memperoleh peluang yang sama seperti kaum bukan Melayu dalam sektor perniagaan dan perusahaan.
Warganegara	Kewarganegaraan orang bukan Melayu - ketegasan orang Melayu terhadap pemberian syarat kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu.
Pendidikan	Pendidikan - sistem persekolahan yang berbeza-beza mengikut kaum, menggunakan bahasa pengantar, buku teks dan sukatan pelajaran yang berlainan.

6 Penubuhan CLC berjaya menyelesaikan isu-isu dengan semangat tolenrasi dan memberi kesan ke arah perpaduan kaum di negara kita.

(i) Jelaskan peranan CLC dalam usaha menyelesaikan isu-isu tersebut.

Pilihan raya	Mencadangkan peralihan ke arah berkerajaan sendiri dilakukan dengan memberikan pengalaman pilihan raya secara berperingkat kepada penduduk Tanah Melayu.
Orang Melayu	Bersetuju agar orang Melayu wajar mempunyai kedudukan istimewa kerana menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bahagi dan mengiktiraf negara ini satu-satunya tanah air mereka.
Tubuh agensi	Mencadangkan penubuhan agensi untuk meningkatkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu.
Taat setia	Bersetuju kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu penting bagi memupuk taat setia kepada Tanah Melayu dan kerjasama dalam kalangan penduduk.
Seragam	Mencadangkan sistem pendidikan yang seragam untuk memupuk kesetiaan dan perpaduan kaum di Tanah Melayu.

(ii) Apakah kesan daripada kejayaan penyelesaian isu-isu di atas ke arah perpaduan kaum di negara kita?

Pilihan raya	Pilihan raya diadakan pada peringkat majlis bandaran, majlis negeri dan juga Majlis Perundangan Persekutuan.
Diperakui	Kedudukan istimewa orang Melayu di negara ini diperakui dan kepentingan sah kaum lain diiktiraf.
RIDA	Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) pada tahun 1950 merupakan tuntutan daripada Dato' Onn Jaafar.
Bantuan	Beliau berpendapat bahawa bantuan ekonomi dan kemajuan luar bandar perlu sebagai tolak ansur terhadap persetujuan orang Melayu melonggarkan syarat kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu.
Longgar	Syarat kewarganegaraan dilonggarkan untuk memberikan kedudukan politik kepada kaum bukan Melayu dan melahirkan semangat patriotik serta bertanggungjawab kepada negara.
Pendidikan	Penubuhan jawatankuasa pendidikan untuk mengkaji sistem pendidikan bagi meahirkan pendidikan yang seragam dan diterima oleh semua kaum.

7 Penyelesaian masalah melalui perundingan yang dilakukan oleh pemimpin kaum sewajarnya diteladani untuk mengukuhkan persefahaman dan kesejahteraan masyarakat di negara kita yang berbilang kaum.

Pada pendapat anda, apakah kesan sekiranya generasi hari ini tidak mengamalkan semangat tersebut? Berikan hujah anda.

Hancur	Perpaduan hancur
Huru-hara	Negara huru-hara – imej negara tercemar
Lemah	Pentadbiran lemah
Terancam	Keselamatan negara terancam – kedaulatan tergugat
Campur tangan	Berlaku campur tangan kuasa asing
Jajah	Berlaku penjajahan bentuk baharu
Penting	Jati diri hancur – lebih utamakan kepentingan diri
Tidak patuh	Undang-undang negara tidak dipatuhi – berlaku demonstrasi – pembunuhan

7.3 Sistem Ahli

1 Selepas Perang Dunia Kedua, British menjalankan dasar dekolonisasi, iaitu menyediakan langkah berkerajaan sendiri secara beransur-ansur kepada tanah jajahannya.

Apakah yang dicadangkan oleh Dato' Onn Jaafar untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai tempatan dalam perkhidmatan kerajaan?

Tambah	Kekurangan pegawai tempatan dalam perkhidmatan kerajaan menyebabkan Dato' Onn Jaafar meminta agar tindakan diambil untuk menambah peluang pentadbiran kepada wakil tempatan dalam usaha menyediakan Tanah Melayu ke arah kemerdekaan.
Selari	Cadangan beliau yang selari dengan dasar British membawa kepada pembentukan Sistem Ahli.

2 Bagaimanakah Sistem Ahli dibentuk?

Umum	Pada tahun 1951, Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British mengumumkan senarai anggota Sistem Ahli.
Latih	Sistem Ahli merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan menerajui

Tanggungjawab	pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu. Beberapa orang anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) diberikan tanggungjawab terhadap beberapa jabatan dan agensi kerajaan.
Tadbir	Sistem Ahli memberikan latihan kepada penduduk tempatan berkaitan dengan pentadbiran negeri sebelum British memberikan kemerdekaan.
Laksana	Sistem Ahli dilaksanakan pada bulan April 1951 hingga bulan Jun 1955, iaitu sebelum pilihan raya MPP diadakan pada bulan Julai 1955.
Portfolio	Tiga portfolio kekal di bawah pentadbiran British - Hal Ehwal Ekonomi - Perindustrian dan Perhubungan Sosial - Perumahan dan Kerja Raya.
Rombakan	Pada tahun 1954, berlaku rombakan Sistem Ahli - beberapa portfolio baharu diwujudkan dan dijawab oleh warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang menjadi anggota MPP.

3 Sekiranya anda merupakan pemimpin negara, apakah cadangan anda untuk mewujudkan sistem pentadbiran yang lebih berkesan di Malaysia?

Kemukakan alasan anda.

Adil	Pemerintah yang adil – menghormati suara ramai – pemimpin bersikap terbuka
Sama rata	Kesamarataan ekonomi semua kaum – perpaduan rakyat dipelihara
Sistematik	Pentadbiran yang sistematik
Tolak	Menolak politik perkauman – mengelakkan isu-isu sensitif
Jauh	Menjauhi sebarang bentuk keganasan
Kurang	Mengurangkan karenah birokrasi – pegawai perkhidmatan yang cekap - beretika

4 Sistem ahli dilaksanakan pada bulan April 1951 hingga bulan Jun 1955, iaitu sebelum pilihan raya MPP diadakan pada bulan Julai 1955.

Siapakah tokoh terlibat? Apakah peranan mereka?

Dato' Onn Jaafar	Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri.
E.E.C. Thuraisingham	Ahli Pelajaran.
Lee Tiang Keng	Ahli Kesihatan.
Tunku Yaacob ibni Sultan	Ahli Pertanian dan Perhutanan.
Abd. Hamid	
Dato' Mahmud Mat	Ahli Tanah, Lombong dan Perhubungan.
Dato' Nik Ahmad Kamil	Ahli Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancang Bandar (1954).
H.S. Lee	Ahli Pengangkutan (1954).
Dr. Ismail Abdul Rahman	Ahli Hasil Bumi (1954).

5 Apakah yang anda faham tentang Sistem Ahli?

Latih	Sistem Ahli merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu.
Tanggungjawab	Beberapa orang anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) diberikan tanggungjawab terhadap beberapa jabatan dan agensi kerajaan.
Tadbir	Sistem Ahli memberikan latihan kepada penduduk tempatan berkaitan dengan pentadbiran negeri sebelum British memberikan kemerdekaan.

6 Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri Sistem Ahli?

Menteri	Ahli bertaraf "Menteri" dan bertanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan dan agensi kerajaan.
Lantik	Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja.
Cadang	Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam MPP.
Letak	Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi.

Kabinet Satu sistem kabinet bayangan yang terdiri daripada beberapa pegawai tadbir dan tokoh masyarakat.

- 7 Pada tahun 1954, berlaku rombakan Sistem Ahli. Beberapa portfolio baharu diwujudkan dan dijawat oleh warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang menjadi anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP).

Namakan dua anggota MPP yang dimaksudkan.

Dato' Nik Ahmad Kamil Ahli Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancang Bandar (1954).

H.S. Lee Ahli Pengangkutan (1954).

Dr. Ismail Abdul Ahli Hasil Bumi (1954).

Rahman

- 8 Dasar British yang memberikan tempoh peralihan pentadbiran menjelang kemerdekaan melalui Sistem Ahli sangat penting kepada negara kita.

Apakah kepentingan yang dimaksudkan di atas?

Latih Menyediakan asas penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri.

Dedah Memberikan pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir

Teraju Memberikan pendedahan kepada penduduk tempatan menerajui kerajaan menjelang kemerdekaan

Pupuk Merupakan proses memupuk perpaduan kerana ahlinya terdiri daripada gabungan pemimpin pelbagai kaum.

Sokong Menentukan kemerdekaan yang diperolehi mendapat sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu

- 9 Kejayaan yang dicapai oleh Malaysia adalah kerana transformasi pentadbiran yang dilaksanakan. Buktikan kejayaan tersebut.

Pelancaran My Government Hubungkan agensi kerajaan – kurangkan karenah birokrasi

My SMS Perkhidmatan di telefon bimbit

Program Gelombang Biru Kurangkan jenayah

Pengangkutan Sistem pengangkutan awam bertambah baik

Prasarana Prasarana luar bandar di tambah baik – tingkatkan kualiti hidup rakyat

e-PBT Bagi meningkatkan kecekapan PBT

7.4 Sistem Pendidikan Kebangsaan

- 1 Semasa di bawah pentadbiran British, sistem persekolahan berkembang mengikut kaum seperti sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina dan sekolah vernakular Tamil, di samping sekolah aliran agama dan sekolah Inggeris. Persekolahan di Sarawak dan Sabah juga terbahagi kepada sekolah vernakular Melayu, sekolah Cina dan sekolah mubaligh Kristian.

Apakah kesan daripada sistem persekolahan tersebut kepada negara kita?

Jurang Sistem persekolahan yang menggunakan bahasa pengantar dan kurikulum yang berlainan menimbulkan jurang perbezaan ekonomi dan sosial yang ketara antara rakyat berbilang kaum.

Halang Sistem seperti ini menghalang usaha menyatupadukan rakyat ke arah melahirkan satu identiti bangsa dan negara.

- 2 Nyatakan usaha yang dilakukan ke arah pembentukan sistem pendidikan kebangsaan.

Tubuh Menubuhkan Jawatankuasa Pelajaran di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.

Jawatankuasa Membentuk Jawatankuasa Laporan Barnes 1951 - Laporan Fenn-Wu - Ordinan Pelajaran 1952 - Laporan Woodhead di Sarawak dan Sabah 1955 - Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.

3 Apakah yang anda tahu tentang Laporan Barnes 1951?

Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran Melayu dipengerusikan oleh L.J. Barnes.
Rendah Menekankan kepentingan sekolah rendah untuk membina satu rupa bangsa penduduk.
Anggap Menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal yang kekal dan tumpuan taat setia.
Kandungan **Antara kandungan Laporan Barnes termasuklah seperti yang berikut:**
 Sekolah rendah menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
 Sekolah menengah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

4 Pada pendapat anda, mengapakah Laporan Fenn-Wu 1951 diterbitkan bagi menggantikan Laporan Barnes 1951?

Apakah cadangan dan kandungannya?

Bantahan Diterbitkan berikutan dengan bantahan daripada masyarakat Cina terhadap Laporan Barnes.
Kaji Mengkaji pendidikan Cina.
Tambah baik Mencadangkan penambahbaikan untuk menjadikan sekolah Cina sebagai institusi yang memberikan faedah kepada penduduk Tanah Melayu.
Kandungan **Antara kandungan Laporan Fenn-Wu termasuklah seperti yang berikut:**
 Sekolah Cina diteruskan secara berasingan di bawah sistem kebangsaan.
 Pendidikan sekolah Cina haruslah berorientasikan Tanah Melayu.

5 Ordinan Pelajaran 1952 ialah undang-undang pertama berkaitan dengan pembentukan satu sistem persekolahan rendah berteraskan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Apakah tujuan ordinan ini dibentuk?

Teliti Diluluskan selepas Jawatankuasa Penasihat Pusat Pelajaran meneliti Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu.
Rasmi Ordinan ini bertujuan membentuk sistem pendidikan yang menggunakan bahasa rasmi Persekutuan.
Satu Semua murid daripada pelbagai bangsa disatukan dalam satu sistem berorientasikan Tanah Melayu.

6 Apakah yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran 1952?

Dua Tanah Melayu mempunyai dua jenis sekolah rendah, iaitu sekolah yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
Ketiga Bahasa Cina dan bahasa Tamil diajar sebagai bahasa ketiga di sekolah rendah sekiranya terdapat 15 orang murid dalam kumpulan yang sama.
Inggeris Sekolah menengah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

7 Pada pendapat anda, mengapakah dikatakan Ordinan Pelajaran 1952 masih belum dapat memenuhi aspirasi semua kaum di Tanah Melayu?

Kemukakan alasan anda.

Kurang Kekurangan guru terlatih untuk sekolah kebangsaan
Tentangan Tentangan dari kaum Cina dan India terhadap bahasa pengantar kerana mereka mahukan bahasa ibunda mereka sendiri
Kewangan Kekurangan kewangan bagi pembiayaan rancangan

- Cadang** Kesan - Jawatankuasa Khas sekali lagi mencadangkan:
Penggunaan bahasa Melayu dan Inggeris dijalankan secara beransur-ansur
Penggunaan tiga bahasa di sekolah Cina dan Tamil secara beransur
Menghadkan bilangan murid masuk ke sekolah Inggeris
Penubuhan sekolah menengah vokasional
- Darurat** Ordinan Pelajaran (1952) ini tidak dapat dilaksanakan kerana berlaku darurat dan juga sebab kekurangan wang.

8 E.W. Woodhead, Ketua Pegawai Pelajaran dari Britain diundang untuk meninjau perkembangan pendidikan dan seterusnya membuat cadangan tentang pendidikan di Sarawak dan Sabah. Apakah cadangan Laporan Woodhead 1955?

- Perkasa** Memperkasakan pendidikan peringkat rendah dan menengah.
Penting Menitikberatkan kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
Biaya Mewujudkan sistem pembiayaan pendidikan yang teratur.

9 Apakah cadangan pembentukan sistem pendidikan kebangsaan di Sarawak mengikut Laporan Woodhead 1955?

- Kita** Matlamat pendidikan kebangsaan bertujuan membentuk perasaan kekitaan dan taat setia kepada negeri Sarawak dalam kalangan penduduk berbilang kaum.
Inggeris Mewujudkan sekolah menengah berbilang kaum dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
Seragam Menyeragamkan sukatan pelajaran dan peperiksaan.
Buku Memperkenalkan buku teks yang berlatarbelakangkan unsur tempatan.
Sivik Memastikan pendidikan sivik diajar secara formal di sekolah.

10 Pada pendapat anda, sejauh manakah penerimaan Laporan Woodhead 1955 di Sabah? Beri hujah anda.

- Pindaan** Laporan Woodhead 1955 diterima di Sabah dengan beberapa pindaan, iaitu:
Mempertingkatkan pengajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di sekolah Cina.
Memastikan bahasa Inggeris diajar di sekolah Melayu dan bahasa Melayu diajar di sekolah Inggeris.
Menetapkan peperiksaan di sekolah menengah dikendalikan dalam bahasa Inggeris.
- Ordinan** Kesannya - Ordinan Pelajaran Koloni 1956 diperkenalkan untuk meneruskan rancangan Woodhead.
- Matlamat** Rancangan ini untuk mencapai matlamat dalam usaha menyeragamkan kurikulum dan peperiksaan yang meliputi peringkat rendah dan menengah.
- Sama** Selain itu, matlamatnya juga untuk melahirkan perasaan kebersamaan dalam kalangan kaum di Sabah.

11 Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 (Penyata Razak 1956) dipengerusikan oleh Dato' Abdul Razak Hussein selaku Menteri Pelajaran pada ketika itu yang ditubuhkan untuk mengkaji semula sistem pendidikan sedia ada..

Apakah yang menjadi agenda utama jawatankuasa ini?

- Baharu** Jawatankuasa ini mencadangkan satu sistem pelajaran kebangsaan yang baharu.
Teras Mengemukakan teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan.
Integrasi Memupuk integrasi dan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum.
Sama Sistem persekolahan yang sama bagi kanak-kanak daripada semua bangsa.
Bahasa Bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama.
Seragam Kandungan kurikulum yang seragam dan bercorak kebangsaan.

12 Apakah cadangan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956?

Sekolah Umum	Menggunakan bahasa Melayu.
Sekolah Jenis (Umum)	Menggunakan sama ada bahasa Inggeris, bahasa Cina atau bahasa Tamil.
Wajib	Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dijadikan mata pelajaran wajib di semua sekolah.
Sekolah Menengah Kebangsaan	Menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, manakala bahasa Inggeris menjadi mata pelajaran.

13 Sejauh manakah Penyata Razak 1956 dapat mengukuhkan perpaduan melalui pendidikan? Beri hujah anda.

Asas	Merupakan asas kepada pembentukan sistem pendidikan kebangsaan.
Seragam	Melalui sistem tersebut, sukatan pelajaran dan peperiksaan yang seragam
Pengantar	Menggunakan bahasa pengantar yang sama
Pupuk	Menjadi langkah penting untuk memupuk semangat perpaduan, nilai kewarganegaraan, identiti sepunya dan kesetiaan kepada negara dalam kalangan generasi muda.
Ordinan	Kesan - Diluluskan menjadi Ordinan Pelajaran 1957

14 Semasa di bawah pentadbiran British, sistem persekolahan berkembang mengikut kaum. Sistem seperti ini menghalang usaha menyatupadukan rakyat ke arah melahirkan satu identiti bangsa dan negara.

Terangkan perkembangan sistem pendidikan vernakular di negara kita semasa penjajahan British.

Tanah Melayu	Sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina dan sekolah vernakular Tamil, sekolah aliran agama dan sekolah Inggeris.
Sarawak dan Sabah	Persekolahan terbahagi kepada sekolah vernakular Melayu, sekolah Cina dan sekolah mubaligh Kristian.
Lain	Sistem persekolahan yang menggunakan bahasa pengantar berlainan.
Ibunda	Sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar.
Kurikulum	Sistem persekolahan yang menggunakan kurikulum berlainan.

15 Bagaimanakah pembentukan dasar pendidikan kebangsaan dilaksanakan di negara kita?

(i) Laporan Barnes 1951

Pengerusi	Jawatankuasa Pelajaran Melayu dipengerusikan oleh L.J.Barnes.
Rendah Bahasa	Menekankan kepentingan sekolah rendah
Inggeris	Sekolah Rendah menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
	Sekolah Menengah menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar

(ii) Laporan Fenn-Wu 1951

Bantah	Diterbitkan hasil bantahan daripada masyarakat Cina terhadap Laporan Barnes.
Tambah baik	Mencadangkan penambahbaikan untuk menjadikan Sekolah Cina sebagai institusi yang memberikan faedah kepada penduduk Tanah Melayu
Asing	Sekolah Cina diteruskan secara berasingan di bawah sistem kebangsaan.
Tanah Melayu	Pendidikan Sekolah Cina haruslah berorientasikan Tanah Melayu.

(iii) Ordinan Pelajaran 1952

Ambil kira	Mengambil kira Laporan Barnes dan Laporan FennWu.
Rasmi	Bertujuan membentuk sistem pendidikan yang menggunakan bahasa rasmi

Satu	Persekutuan. Semua murid daripada pelbagai bangsa disatukan dalam satu sistem berorientasikan Tanah Melayu.
Dua	Mempunyai dua jenis sekolah rendah
Bahasa	Sekolah menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
Ketiga	Bahasa Cina dan Bahasa Tamil diajar sebagai bahasa ketiga di sekolah rendah sekiranya terdapat 15 orang murid dalam kumpulan yang sama.
Menengah	Sekolah menengah menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar

(iv) Laporan Woodhead di Sarawak dan Sabah 1955

Perkasa	Memperkasakan pendidikan peringkat rendah dan menengah
Penting	Menitikberatkan kepentingan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
Biaya	Mewujudkan sistem pembiayaan pendidikan yang teratur.

(v) Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 (Penyata Razak 1956)

Pengerusi	Dipengerusikan oleh Dato' Abdul Razak Hussein selaku Menteri Pelajaran
Kaji	Mengkaji semula sistem pendidikan sedia ada
Baharu	Mencadangkan satu sistem pelajaran Kebangsaan yang baharu
Teras	Teras pembentukan sistem pendidikan Kebangsaan
Integrasi	Memupuk integrasi dan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum

16 Pada pendapat anda, bagaimanakah sistem pendidikan mampu mewujudkan semangat perpaduan? Kemukakan hujah anda.

Sama	Menggunakan sukatan pelajaran yang sama
Kurikulum	Menggunakan kurikulum yang sama
Kokurikulum	Melaksanakan aktiviti kokurikulum bersama
Bahasa	Menggunakan bahasa pengantar yang sama
Kemudahan	Menggunakan kemudahan di sekolah/kantin/padang yang sama
Aktiviti	Aktiviti kelas dilakukan bersama tanpa mengira kaum
Pelbagai	Warga sekolah terdiri daripada pelbagai kaum
Satu	Warga sekolah secara bersama bersatu mencapai matlamat

7.5 Penubuhan Parti Politik

1 Selepas Perang Dunia Kedua, banyak parti politik ditubuhkan di negara kita pada tahun 1940-an dan 1950-an. Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

Nasionalisme	Kesan perkembangan nasionalisme, iaitu semangat untuk membebaskan diri daripada cengkaman penjajah.
Merdeka	Seterusnya mewujudkan negara yang merdeka dan berdaulat.
Parti	Kepelbagaian parti politik telah mewujudkan kerjasama antara parti.
Kukuh	Mengukuhkan perjuangan menuntut kemerdekaan tanah air.

2 Kebanyakan parti politik ditubuhkan berasaskan kaum, memperjuangkan kepentingan kaum dan membentuk parti bercorak kebangsaan.

Apakah parti-parti politik yang dimaksudkan?

Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)	Melahirkan kesedaran politik dalam kalangan orang Melayu – menekankan perpaduan antara penduduk berbilang kaum - mencapai kemerdekaan dan memperjuangkan Melayu Raya.
Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS)	Memupuk kesetiaan dan perpaduan kaum di Sarawak – menentang penyerahan Sarawak
Malayan Indian Congress	Menjaga kepentingan orang India di Tanah Melayu – memperjuangkan

(MIC)	kemajuan politik bersama kaum lain.
Malayan Chinese Association (MCA)	Memelihara kepentingan kaum Cina – bekerjasama menentang komunis di Tanah Melayu.
United Malays National Organisation (UMNO)	Menjaga kepentingan orang Melayu – menentang Malayan Union - bekerjasama dengan kaum lain untuk mencapai kemerdekaan.

3 Se jauh manakah penubuhan parti berasaskan kaum boleh menjejaskan perpaduan?

Beri hujah anda.

(i) Awal kemerdekaan

- Jaga** Parti ditubuhkan hanya untuk menjaga kepentingan kaum masing-masing – tidak bekerjasama dengan parti kaum lain – kesan daripada dasar pecah dan perintah British
- Negatif** Setiap parti sentiasa bersikap negatif terhadap kaum lain – mampu mencetuskan keadaan tidak aman dalam negara
- Sukar** Sukar membentuk kerjasama antara kaum – parti bersaing untuk berkhidmat secara terbaik untuk kaum masing-masing
- Masalah** Kerajaan menghadapi masalah untuk menangani isu-isu berkaitan kaum dan perpaduan

(ii) Masa kini

- Satu** Parti berasaskan kaum bersatu dengan parti-parti kaum lain demi kemajuan negara – contoh: Parti Perikatan, Perikatan Nasional
- Kukuh** Terbukti berjaya mengukuhkan perpaduan antara kaum – di samping menjaga kepentingan kaum masing-masing
- Mantap** Berjaya membentuk kerajaan yang mantap – teruskan amalan demokrasi berparlimen
- Terbuka** Terdapat parti yang terbuka keahlian kepada semua kaum - contoh PKR

4 Sebelum wujud kerjasama parti politik, terdapat pakatan antara gerakan tertentu yang merintis kerjasama kaum untuk mencapai kemerdekaan mulai pertengahan tahun 1940-an di negara kita. Pakatan PUTERA-AMCJA bermula tahun 1947.

Apakah kebaikan daripada pakatan ini?

Kerjasama Pakatan ini menjadi perintis untuk memupuk kerjasama politik antara kaum serta melahirkan Manifesto Perlembagaan Rakyat sebagai alternatif pembinaan negara bangsa yang merdeka.

Manifesto Manifesto ini mencadangkan pemerintahan sendiri, pembentukan Dewan Perundangan dan penerimaan satu kewarganegaraan.

5 Apakah matlamat Persidangan Kebangsaan 1954?

Bincang Persidangan tersebut membincangkan langkah membentuk gabungan parti politik kebangsaan Tanah Melayu yang bersatu.

Sertai Persidangan ini disertai oleh Independence of Malayan Party (IMP), Malayan Indian Congress (MIC), Persatuan Ceylonese Malaya dan Persatuan Eurasian Malaya.

Tuntut Persidangan ini menuntut agar diadakan pilihan raya Persekutuan.

6 Mengapakah Konvensyen Kebangsaan 1954 diadakan?

Anjur Konvensyen Kebangsaan yang dianjurkan oleh UMNO, pimpinan Tunku Abdul Rahman dan MCA pimpinan Tan Cheng Lock diadakan pada bulan Ogos 1954.

Merdeka Konvensyen yang membincangkan usaha ke arah kemerdekaan dan masa depan Tanah Melayu ini dihadiri oleh Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS), Persetiaan Melayu Kelantan dan Persatuan Melayu Semenanjung.

Resolusi Konvensyen ini meluluskan resolusi mendesak British mengadakan pilihan raya Persekutuan.

7 Bagaimanakah sikap bertolak ansur dalam gerakan politik berlaku dalam kalangan antara kaum di negara kita?

Kemukakan alasan anda.

Parti Melalui pembentukan Parti Perikatan.

Sertai Pada bulan Oktober 1954, MIC menyertai UMNO dan MCA membentuk Parti Perikatan.

Lengkap Penyertaan MIC melengkapkan kerjasama tiga kaum terbesar di Tanah Melayu.

Kapal Parti ini memilih kapal layar sebagai logo yang melambangkan kesediaan menempuh cabaran dan rintangan bagi mencapai kemerdekaan negara.

Runding Perundingan menjadi kunci menyelesaikan masalah antara kaum

Perpaduan Membentuk perpaduan antara kaum – menjamin kelangsungan pembangunan negara

8 Sikap bertolak ansur dalam gerakan politik mencapai kematangan apabila berlaku kerjasama politik antara kaum di negara kita mulai pertengahan tahun 1940-an.

Namakan gerakan politik yang dimaksudkan.

Pakatan PUTERA-AMCJA

Persidangan Kebangsaan

Konvensyen Kebangsaan

Pembentukan Parti Perikatan

9 **Bagaimanakah sikap toleransi dipupuk dalam gerakan politik tersebut?**

Pakatan PUTERA-AMCJA	Kerjasama politik antara kaum dengan melahirkan Manifesto Perlembagaan Rakyat untuk pembinaan negara bangsa yang merdeka.
Persidangan Kebangsaan	Membincangkan langkah membentuk gabungan parti politik kebangsaan Tanah Melayu yang bersatu – menuntut pilihan raya Persekutuan - contoh: IMP, MIC
Konvensyen Kebangsaan	Bincangkan usaha ke arah kemerdekaan dan masa depan Tanah Melayu – mendesak British mengadakan pilihan raya Persekutuan – contoh: UMNO, MCA, PAS
Pembentukan Parti Perikatan	Sedia menempuh cabaran bersama bagi mencapai kemerdekaan negara – contoh: UMNO, MCA, MIC

10 **Kegigihan dan kebijaksanaan pemimpin terdahulu mewujudkan asas kerjasama dari aspek politik, ekonomi dan sosial wajar dihargai.**

Apakah peranan anda dalam mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara kita? Berikan hujah anda.

- Guna** Menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi
- Sekolah** Bersekolah di sekolah kebangsaan – menggunakan kurikulum dan bahasa pengantar yang sama
- Hormat** Menghormati budaya dan kepercayaan kaum lain – kenali budaya dan caraa hidup kaum lain
- Gaul** Bergaul mesra sesama rakan pelbagai kaum
- Elak** Mengelakkan isu-isu sensitif antara kaum
- Cinta** Sentiasa mengamalkan sikap mencintai keamanan dan keharmonian